



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

27 Syawal 1441 / 19 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 27 Syawal 1441H bersamaan 19 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, seramai 17 orang masih menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 2,806 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan adalah dalam keadaan yang baik.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 264 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 26,195 ujian.

4. Seterusnya, sejak wabak COVID-19 mula dilaporkan pada awal bulan Januari 2020, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa langkah-langkah pencegahan dan pengawalan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini terjamin. Ini telah disokong dengan adanya pindaan kepada **Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204)** yang telah mula berkuatkuasa pada 30 Januari 2020. Beberapa arahan telah dikeluarkan di bawah Bab 62(A) Akta berkenaan sepertimana yang tertera di skrin.

5. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala arahan dan peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan

mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah **Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204)**. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei adalah juga diberikan kuasa untuk mengenakan denda kompaun sehingga \$5,000 kepada sesiapa yang didapati melanggar arahan-arahan yang telah dikeluarkan. Sementara itu, tindakan undang-undang yang lebih keras juga boleh diambil kepada sesiapa yang didapati ingkar yang mana boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan, boleh membawa kepada denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Butiran denda kompaun tersebut adalah sepertimana yang tertera di skrin.

6. Seterusnya, berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai 390,834 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 9,817

telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak 5,326 premis perniagaan telah memuat turun applikasi premiseScan.

7. Berhubung dengan kebenaran untuk masuk ke dalam premis-premis, pejabat-pejabat dan bangun-bangunan bagi applikasi BruHealth, Kementerian Kesihatan telah menerima banyak aduan melalui Talian 148 mengenai orang ramai yang mempunyai kod kuning dan tidak dibenarkan untuk masuk ke tempat-tempat berkenaan. Sebagaimana yang pernah diterangkan sebelum ini, orang ramai yang mempunyai kod hijau atau kuning adalah dibenarkan untuk masuk ke tempat-tempat awam. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian seperti hanya pemegang kod hijau yang dibenarkan masuk ke masjid untuk mengerjakan sembahyang Fardhu Jumaat pada masa ini dan semua warna kod adalah dibenarkan untuk masuk ke hospital atau klinik bagi tujuan untuk mendapatkan rawatan perubatan sahaja. Di samping itu, pemilik-pemilik premis-premis adalah juga dikehendaki untuk membuat pemeriksaan suhu badan kepada semua pengunjung dan menyediakan hand sanitizer di pintu-pintu masuk.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 27 Syawal 1441H / 19 Jun 2020